



● **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Hasnah Haji Ali mengiringi tetamu negara Perdana Menteri Papua New Guinea, Enik Micheal T. Somare dan isterinya, Puan Veronica Somare semasa upacara sambutan rasmi di perkarangan Parlimen, semalam.**

Enik Micheal dan Puan Veronica bersama rombongannya 16 orang memulakan lawatan rasmi selama empat hari.

Pemimpin Papua New Guinea telah diberi sambutan meriah, sebagai tanda penghormatan kerajaan.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dan isteri serta pegawai kanan Wisma Putra turut menyambut tetamu negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Chin Hon Ngian ialah Menteri Pengiring pelawat negara itu.

Hubungan dua hala Malaysia-Papua New Guinea

Perjanjian kerjasama dipersetujui

KUALA LUMPUR, Sabtu — Malaysia dan Papua New Guinea akan menandatangani perjanjian kerjasama teknikal dan kebudayaan awal tahun depan untuk meningkatkan hubungan dua hala dan perdagangan.

Persetujuan mengennainya dicapai dalam rundingan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri Papua New Guinea, Enik Micheal Thomas Somare, hari ini.

Enik Somare sedang dalam lawatan rasmi ke negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Datuk Mon Jamaluddin, menjelaskan kedua-dua negara bersetuju pada dasarnya untuk menandatangani perjanjian itu. Para pegawai sedang menyelesaikan butir-butir perjanjian.

Katanya, sekranya segalanya selesai, perjanjian itu akan ditandatangani dalam tempoh tiga atau empat bulan lagi.

Perjanjian itu adalah di bawah rancangan kerjasama teknikal yang ditawarkan oleh Malaysia kepada negara itu.

Rundingan kedua-dua Perdana Menteri itu bermula disertai oleh beberapa Menteri dan pegawai-pegawai kanan.

Menurut Datuk Mon, Malaysia dan Papua New Guinea bersetuju untuk mencari jalan menyelesaikan masalah

perkapalan yang menjadi penghalang meningkatkan perdagangan.

Hanya satu perkhidmatan perkapalan digunakan sekarang, iaitu melalui Hong Kong, Singapura dan Papua New Guinea. Masalah juga timbul untuk menyambung perkhidmatan dari Singapura ke negara ini.

Pelaburan

Papua New Guinea juga akan menubuhkan pejabat Pesuruhjaya Tingginya di sini hujung tahun depan. Ketika ini, pejabat suruhanjaya itu bagi Malaysia terletak di Jakarta.

Dalam rundingan itu, Malaysia memberi jaminan untuk meningkatkan imbalan dagangan dengan negara itu, yang kini menguntungkan Malaysia.

Setakat ini, kedua-dua negara berpuas hati dengan pencapaian da-

lam sektor itu kerana dalam tempoh lapan tahun saja, jumlah perdagangan telah meningkat dari kira-kira \$1 juta ke \$8.7 juta.

Malaysia berharap dapat membeli lebih banyak ketuanan laut Papua New Guinea sebagai tambahan kepada teh dan kopi.

Papua New Guinea pula mengalu-alukan langkah Malaysia untuk menambahkan pelaburan dalam perusahaan getah dan kelapa sawit. Dua syarikat Malaysia telah pun melabur dalam bidang itu di negara itu.

Selain soal Antarika, rundingan juga tertumpu kepada masalah hubungan Papua New Guinea dengan ASEAN, dalam mana negara itu menjadi pemerhati di sidang Menteri-Menteri Luar ASEAN dan mengambil bahagian dalam beberapa rundingan jawatankuasa teknikal baru-baru ini.